

03 JAN 1998

Agong-Myanmar

AGONG MENGHANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KE MYANMAR

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar menghantar perutusan tahniah kepada Pengerusi Majlis Negara Bagi Keamanan dan Pembangunan Myanmar, Jen Tan Shwe sempena ulang tahun kemerdekaan negara itu.

Dalam perutusan baginda yang dikeluarkan oleh Wisma Putra, baginda menyatakan keyakinan yang hubungan rapat dan mesra antara Malaysia dan Myanmar akan dipertingkatkan dan diperkukuhkan bagi kemakmuran, keamanan dan kestabilan demi manfaat bersama rakyat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan yang lebih kurang sama kepada Jen Tan Shwe berkata, hari yang penuh bermakna itu akan memberi inspirasi kepada rakyat Myanmar untuk berusaha lebih gigih lagi ke arah membina sebuah negara dinamik dan makmur.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mahu bekerjasama dengan Myanmar dalam memperkukuhkan hubungan antara kedua-dua negara dan juga demi keamanan dan kestabilan serantau.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam mesej kepada rakan sejawatannya U Ohn Gyaw berkata, beliau gembira kerana hubungan antara kedua-dua negara berkembang dengan baik dalam semua bidang kerjasama.

Myanmar yang menyertai Asean pada Julai lepas mencapai kemerdekaan daripada Britain pada 4 Jan, 1948. -- BERNAMA

MNY PR